

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdullilah, bersyukur ke hadrat Allah SWT, dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama sekali lagi pada tahun ini meraikan sambutan Hari Akademia Peringkat Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada 5 Oktober 2021.

Sebagaimana yang semua sedia maklum, tarikh 5 Oktober setiap tahun telah digazet sebagai Hari Akademik Peringkat Kebangsaan, bersempena dengan UNESCO World's Teachers Day yang turut disambut di semua Institusi Pendidikan Tinggi di seluruh Malaysia.

Walaupun Hari Akademia UTeM pada tahun ini masih mengekalkan platform sambutan secara maya, namun saya yakin, pelbagai program dan aktiviti telah diselaraskan dengan sebaik-baiknya oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa bersama semua fakulti. Saya percaya, berkat komitmen dari semua pihak yang terlibat, sambutan Hari Akademia UTeM ini mampu memanifestasikan objektif penganjuran seperti mana yang diharapkan. Difahamkan, sejurus selepas slot ucapan ini, akan ditayangkan video penghargaan dan kejayaan Alumni UTeM dalam bidang kerjaya masing-masing. Antara aktiviti lain yang akan turut dianjurkan adalah seperti Hari Penasihat Akademik, Hari Terbuka Fakulti secara maya, webinar, kursus, dan pelbagai lagi aktiviti menarik anjuran Fakulti.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Sebagai golongan intelektual, ahli akademik khususnya di UTeM bukan sahaja perlu memiliki dan mengungguli pemikiran tentang idea yang kritis dan inovatif, malah peranan yang dimainkan juga perlulah bersifat universal, bukan sekadar membantu dalam proses perpindahan dan perkembangan ilmu kepada siswa dan siswi. Lebih dari itu, kepakaran dan kemahiran yang dimiliki hendaklah dimanfaatkan untuk kelestarian masyarakat dan pihak lain yang berkepentingan, sebagai contohnya rakan industri.

Semangat inilah yang kita ingin dibudayakan dalam diri setiap ahli akademik UTeM, supaya proses perkongsian dan perkembangan ilmu itu dapat berlangsung secara berterusan, yang akhirnya bermanfaat dalam melengkapi ekosistem akademia, industri dan masyarakat di negara ini.

Hasrat yang diletakkan kepada ahli akademik UTeM ini juga secara tidak langsung, menyahut semangat sambutan Hari Akademia Peringkat Kebangsaan yang menekankan aspek “Akademik Diperkasa, Digitalisasi, Dibudaya” sebagai tema sambutan tahun ini.

Tema ini, secara tidak langsung, mengajak kita, untuk terus mempraktikkan nilai-nilai teras Universiti, walaupun kita berada di era digitalisasi. Nailai-nilai tersebut adalah *passionate to make a difference, resilience, loyalty, integriti* - inilah elemen terpenting yang perlu dipaksikan dalam jiwa kita semua...integriti dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan telus dan sehabis baik, dan akhir sekali mempunyai sikap profesionalisme yang tinggi. Selain itu, tema ini turut mengajak kita untuk respons secara holistik ataupun 360 degree, memiliki semangat kebersamaan yang utuh dan sentiasa memiliki sifat rendah diri walaupun telah menawan puncak kejayaan.

Saya juga merupakan seorang ahli akademik, dan saya ingin mengajak anda semua ahli akademik UTeM, untuk terus menjunjung nilai ilmu dan memperkuuhkan keunggulan diri, supaya kita sentiasa siap siaga menempuh sebarang cabaran dan saingan mendatang terutamanya pada era yang serba kompleks ini. Teruskan perjuangan mencipta kegemilangan diri dan universiti dengan lebih agresif, keterhadapan dan teruskan usaha murni dan sumbangan ikhlas anda, bagi menjayakan hala tuju Universiti tercinta ini. Insya Allah, dengan keazaman dan iltizam yang tinggi, ahli akademik UTeM mampu menjadi ilmuwan yang disegani di negara ini dan di persada antarabangsa.

Selamat Hari Akademia 2021. Terima kasih.